

Tempahan Proton X70 dibuka

Oleh NOR IDAYU BOSRO

SAHAH ALAM – Proton Holdings Berhad (Proton) mengumumkan nama rasmi kenderaan utiliti (SUV) pertamanya yang akan dilancarkan hujung tahun ini ialah Proton X70.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar Abdul Rashid Musa berkata, buat pertama kalinya Proton menggunakan nama berdasarkan abjad dan angka yang akan digunakan untuk semua model baharu pada masa hadapan.

Menurutnya, berdasarkan kajian yang dibuat, penggunaan abjad dan angka itu memudahkan Proton memasarkan model seperti X70 di rantau Asia Tenggara serta pasaran antarabangsa tanpa ada batasan bahasa.

“Huruf X sinonim dengan kenderaan jenis Crossover atau SUV daripada jenama-jenama kereta lain manakala 70 pula menggambarkan saiz

atau kelas bagi segmen SUV.

“Ini akan memudahkan pengguna mengenali segmen bagi model-model Proton,” katanya



ABDUL RASHID



CHUNRONG

pada majlis praton SUV pertama Proton hasil kerjasama dengan syarikat Kumpulan Zhejiang Geely Holdings dari China di Kompleks Proton di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Li Chunrong dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Radzaif Mohamed.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, nama Proton X70 dipilih berdasarkan undian yang diterima daripada 60 peratus peserta yang menyertai peraduan menamakan SUV pertama keluaran syarikat itu secara online pada April lalu.

“Peraduan selama sebulan itu disertai oleh kira-kira 90,000 orang dengan pe-



PROTON

serta perlu memilih empat nama pilihan iaitu PX7, X7, X70 dan X700. Nama X70 mendapat undian paling banyak,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pihaknya menyasarkan penglibatan kira-kira 6,000 orang pada sesi pratonton Proton X70 yang akan diadakan di tujuh bandar utama di seluruh negara bermula 19 September hingga 4 November depan.

“Pelanggan kami adalah untuk mencapai hampir 6,000 orang tetapi itu hanya sebahagian kecil daripada pembeli ber-

potensi yang kami sasarkan,” katanya.

Menurutnya, tujuh lokasi itu termasuklah di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.

Beliau bagaimanapun enggan mengumumkan harga Proton X70 yang didatangkan dalam tiga varian iaitu Premium, Executive dan Standard.

Tempahan terhadap model Proton SUV X70 boleh dibuat mulai hari ini di cawangan terpilih di seluruh negara dengan bayaran deposit sebanyak RM1,000 untuk setiap satu unit.



PROTON X70

KOSMO 08/09/2018 MS 03

INFO Proton Holdings

- Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) yang merupakan pengeluar kereta nasional pertama Malaysia ditubuhkan pada 7 Mei 1983 dengan modal berbayar sebanyak RM150 juta
- Disenaraikan di Bursa Malaysia pada 1992 dan dikenali dengan nama Perusahaan Otomobil Nasional Berhad
- Proton pernah dimiliki oleh Khazanah Nasional sebelum menjual 42.74 peratus kepentingan dengan nilai RM1.29 bilion kepada syarikat DRB-HICOM pada tahun 2012
- Syarikat DRB-HICOM kemudian menjual 49.9 peratus saham Proton kepada Kumpulan Zhejiang Geely Holdings dengan nilai RM460.3 juta pada 23 Jun 2017

Senarai model keluaran Proton

- Proton Saga - 1985
- Proton Wira - 1993
- Proton Satria - 1995
- Proton Perdana - 1995
- Proton Putra - 1995
- Proton Tiara - 1996
- Proton Waja - 2000
- Proton Juara - 2001
- Proton Arena - 2003
- Proton Gen-2 - 2004
- Proton Savvy - 2005
- Proton Persona - 2007
- Proton Satria Neo - 2006
- Proton Saga (Generasi Kedua) - 2008
- Proton Exora - 2009
- Proton Inspira - 2011
- Proton Preve - 2012
- Proton Suprima S - 2013
- Proton Iriz - 2014
- Proton Perdana (Generasi Kedua) - 2015
- Proton X70 - 2018